

Syair Siti Sianah: Beberapa Ciri Kepenyairan Raja Ali Haji dari Perspektif Bahasa

Syair Siti Sianah: Raja Ali Haji Poetic Characteristics from a Linguistic Perspective

WONG AW LAM CHEE & NIK SAFIAH KARIM

ABSTRAK

Raja Ali Haji, seorang tokoh dari Indonesia, amat terkenal di Malaysia, terutama sebagai penulis buku-buku sejarah dan bahasa Melayu. Beliau juga telah menghasilkan beberapa karya puisi. Kertas kerja ini akan menumpukan perhatian kepada sebuah syair bernama Syair Siti Sianah dengan memberi tumpuan kepada beberapa ciri kepenyairan beliau, dilihat dari perspektif bahasa berdasarkan pandangan seorang tokoh Malaysia, iaitu Zainal Abidin bin Ahmad, atau Za'ba, dalam bukunya berjudul Ilmu Mengarang Melayu. Teks Syair Siti Sianah yang digunakan ialah yang terdapat dalam buku selenggaraan Abu Hassan Sham pada 1993 berjudul Puisi-puisi Raja Ali Haji.

Kata kunci: Syair Siti Sianah; Raja Ali Haji; Za'ba (Zainal Abidin bin Ahmad); jumlah perkataan; suku kata; unsur rima; diksi

ABSTRACT

Raja Ali Haji was a famous figure from Indonesia and is well known in Malaysia especially as a Malay history and language writer. He had also written several works of poetry. This paper will concentrate on a poem called Syair Siti Sianah with a focus on some characteristics of his style, from the language perspectives based on the point of view of a prominent Malaysian, Zainal Abidin bin Ahmad, in his book called Ilmu Mengarang Melayu. The text of Syair Siti Sianah is contained in a book, compiled by Abu Hassan Sham in 1993, entitled Puisi-puisi Raja Ali Haji.

Keywords: Syair Siti Sianah; Raja Ali Haji; Za'ba (Zainal Abidin bin Ahmad); number of words; syllable; rhyme; diction

...adab dan sopan itu daripada tutur kata juga asalnya,
kemudian baharulah pada kelakuan.

Raja Ali Haji
Bustan al-Katibin

RAJA ALI HAJI

Raja Ali Haji atau nama sebenarnya Raja Haji Ali bin Raja Haji Ahmad (Mohd. Taib Osman 1976: 139), dilahirkan di Pulau Penyengat, Kepulauan Riau, antara akhir tahun 1808 dengan awal tahun 1809 (Hasan Junus 1988:135), iaitu dalam zaman pentadbiran Raja Jaafar bin Raja Haji (YDPM Riau ke-6, 1805-1831).

Pada tahun 1823, sewaktu Raja Ali Haji masih kecil, beliau mengikuti ayahandanya Raja Haji Ahmad selaku utusan Riau pergi ke Betawi untuk mengunjungi Gabenor General Hindia Belanda, der Capellen. Pada tahun 1827 pula beliau sekali lagi mengikuti ayahandanya pergi ke Makkah untuk menuaikan fardhu haji. Selama hampir setahun menetap di Tanah Suci, Raja Ali Haji dapat memperdalam ilmu pengetahuan agama Islam dan bahasa Arabnya (Hashim bin Musa 2005:xxxix).

Dalam zaman pentadbiran Raja Ali bin Raja Jaafar (YDPM Riau ke-8, 1844-1857), Raja Haji Abdullah bin Raja Jaafar (YDPM Riau ke-9, 1857-1858), dan Raja Muhammad Yusuf bin Raja Ali (YDPM Riau ke-10 atau terakhir, 1858-1899), Raja Ali Haji memainkan peranan sebagai penasihat dalam urusan pemerintahan, undang-undang dan agama, sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1872 (Hasan Junus 1988:146).

Raja Ali Haji seorang bahasawan dan sejarahwan yang cemerlang. Tatkala melibatkan diri dalam urusan-urusan tersebut, beliau juga telah menghasilkan beberapa buah karya yang bermutu tinggi. Antaranya, *Bustan al-Katibin* (1846/47), *Kitab Pengetahuan Bahasa: Iaitu Kamus Loghat Melayu Johor, Pahang, Riau, Lingga* (1858/59), *Tuhfat al-Nafis* (1865), *Salasilah Melayu dan Bugis* (1865) (Hashim bin Musa 2005: xl) dan sebagainya. Oleh sebab peranan

Raja Ali Haji yang berjasa besar dalam memberi sumbangan kepada bahasa Melayu menjadi bahasa nasional Indonesia, beliau telah ditetapkan oleh pemerintah Republik Indonesia sebagai Pahlawan Nasional Indonesia pada tahun 2004.

KARYA-KARYA PUISI RAJA ALI HAJI

Raja Ali Haji seorang penulis yang prolifik. Di samping menghasilkan karya dalam bentuk prosa, baik yang bersifat bahasa mahupun sejarah, beliau juga telah menghasilkan karya dalam bentuk puisi. Antaranya, *Gurindam Dua Belas* (1846/47), *Syair Sultan Abdul Muluk* (1846), *Syair Hukum Nikah* atau *Syair Suluh Pegawai* (1866), *Syair Siti Sianah* (tahun penulisan hampir sama dengan *Syair Hukum Nikah*), *Syair Sinar Gemala Mastika Alam* (mungkin karya terakhir), dan beberapa buah puisi yang diselitkan dalam karya-karya prosa Raja Ali Haji sendiri. Dalam pada itu, *Syair Suluh Pegawai* dan *Syair Siti Sianah* adalah antara karya-karya puisi Raja Ali Haji yang paling bersifat nasihat dan pengajaran.

SYAIR SITI SIANAH

Syair Siti Sianah, mengikut penomboran rangkap syair dalam *Puisi-puisi Raja Ali Haji* selenggaraan Abu Hassan Sham (1993), terdiri daripada 574 buah rangkap syair, serta bermula dengan bahagian pendahuluan dan berakhir dengan bahagian kolofon. Dalam pada itu, rangkap 27 ialah ulangan rangkap 26 manakala rangkap 233 ialah ulangan rangkap 232. Mengikut Amida Abdul Hamid (2008: 193), sekiranya ulangan itu dilakukan secara tidak sengaja, maka ini bererti *Syair Siti Sianah* terbentuk daripada 572 rangkap syair semuanya.

Siti Sianah ialah watak utama syair ini, anakanda kepada Siti Rubiyyah atau Siti Afifah, kakanda kepada Siti Dianah, dan bersuamikan seorang pendeta berketurunan bangsawan bernama Muhammad Zahid. Beliau merupakan seorang rubiah atau isteri pendeta yang berbudi bahasa, bersifat merendah diri dan berilmu pengetahuan tinggi, yang dapat menjadi teladan kepada para Muslimah yang menghadiri majlis usrah dalam syair ini.

Kandungan *Syair Siti Sianah* mencakupi keterangan tentang hukum syariah, tasawuf dan etika. Dalam bab hukum syariah, perkara wuduk, puasa dan zakat diuraikan oleh Siti Dianah manakala kerumitan dalam hal-hal haid dan nifas, puasa dan zakat pula diterangkan oleh Siti

Sianah. Seterusnya diperjelas oleh Siti Sianah juga dalam bab tasawuf tentang peranan mata, telinga, lidah, dua tangan, faraj dan dua kaki dan dikupas penyalahgunaannya, turut dikemukakan kaedah untuk memulihkan penyakit-penyakit pancaindera berkenaan. Selanjutnya, dalam bab etika dibicarakan adab-adab sebaiknya terhadap ibu bapa, saudara, bapa, hamba sahaya dan adab sebaiknya seorang isteri terhadap suami.

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2013: 1557), syair bererti karangan bersajak, iaitu tiap-tiap rangkap terdiri daripada empat baris yang sama bunyi. Pada pandangan Za'ba (2002: 232), syair di samping bererti "karangan berangkap yang empat-empat kerat serangkap, hujung tiap-tiap keratnya bersamaan bunyi", juga "biasanya mengandungi fikiran yang cantik dan tinggi dilafazkan dengan bahasa yang indah dan berhias [...]." *Syair Siti Sianah* sebagai sebuah karya berunsur agama yang dikarang oleh penyair yang berbakat dan berkemahiran tinggi, benar-benar telah memenuhi kedua-dua syarat ini.

CIRI-CIRI KE PENYAIRAN RAJA ALI HAJI DARI PERSPEKTIF BAHASA

Syair Siti Sianah oleh Raja Ali Haji telah dibuat kajian dari pelbagai perspektif. Abu Hassan Sham (2005), misalnya, telah melihat syair ini sebagai sebuah karya berunsur agama. Sebelum itu, pada tahun 1994, beliau juga mengulas tentang Raja Ali Haji dari sudut pengarang dan kepengarangannya dan Amida Abdul Hamid (2008) pula telah melihat *Syair Siti Sianah* dari perspektif wahana keindahan.

Salah satu perspektif yang dapat digunakan untuk menganalisis *Syair Siti Sianah* ialah ilmu bahasa. Karya ini dapat dilihat dari segi cara pengarang mengeksplorasi unsur-unsur bahasa seperti susunan dan jumlah perkataan dan suku kata, yang dikaitkan pula dengan rentak dan irama. Aspek pilihan perkataan juga membawa kesan terhadap pemahaman dan penghayatan sesebuah karya kreatif.

Makalah ini akan membincangkan tiga perspektif bahasa berikut:

1. Perspektif jumlah perkataan dan suku kata
2. Perspektif unsur rima
3. Perspektif daksi

Pandangan seorang tokoh Melayu Malaysia, Zainal Abidin bin Ahmad atau Za'ba menjadi rujukan utama dalam ulasan mengenai kepenyairan

Raja Ali Haji dalam *Syair Siti Sianah*. Yang berikut ialah huraian tentang perspektif bahasa mengikut pandangan Za'ba (2002).

PERSPEKTIF JUMLAH PERKATAAN DAN SUKU KATA

Satu aspek bahasa yang dilihat dalam syair ialah apa yang diistilahkan oleh Za'ba (2002: 233) sebagai “timbangan dan sukatan”, iaitu:

1. Bilangan perkataan dalam setiap baris syair hendaklah empat perkataan;
2. Bilangan suku kata dalam setiap baris hendaklah sekurang-kurangnya 8 dan tidak melebihi 12; dan
3. Imbuhan boleh ditiadakan asalkan tidak merosakkan tatabahasa.

Syarat jumlah perkataan ini didapati sukar dipatuhi oleh pengarang *Syair Siti Sianah*. Pada amnya, sebahagian besar baris-baris syair ini terdiri daripada empat patah perkataan. Namun terdapat juga baris-baris yang melanggar peraturan ini.

Sebagai contoh, secara rawak diperturunkan empat rangkap syair ini untuk diteliti aspek jumlah perkataan.

Bilangan Perkataan dan Suku Kata

R.5	Dengarkan tuan suatu cerita Beberapa perempuan isteri pendeta Berhimpulah mereka berkata-kata Akan ilmu beramal serta	4 // 11 4 // 14 3 // 12 4 // 9
R.10	Siti menjawab terlalu suka Berseri-seri warnanya muka Jika tidak tersalah sangka Perkara bersuci beberapa hingga	4 // 10 3 // 10 4 // 9 4 // 12
R.32	Daripada kiri kanan dahulu Sayugia berturut bertalu-talu Ketika wuduk hendaklah malu Jangan berkata biarlah kelu	4 // 11 3 // 11 4 // 11 4 // 11
R.385	Bermula hasad ertinya dengki Inilah penyakit sangat merosaki Di dalam hati payahnya pergi Penyakit iblis syaitan terbahari	4 // 9 4 // 12 5 // 10 4 // 11

Daripada empat contoh di atas, dari segi bilangan perkataan, kebanyakan rangkap menggunakan empat patah perkataan, kecuali baris 3 R.5, baris 2 R.10 dan baris 2 R.32 yang terdiri daripada 3 patah perkataan, dan baris 3 R.385, yang terdiri daripada 5 patah perkataan.

Pada sekali imbas kelihatan seolah-olah pengarang telah melanggar syarat jumlah empat patah perkataan dalam baris-baris 3 R.5, baris 2 R.10 dan baris 2 R.32, iaitu: *Berhimpulah mereka berkata-kata; Berseri-seri warnanya muka; dan Sayugia berturut bertalu-talu*. Namun, apabila diteliti, didapati bahawa kesemua rangkap mengandungi kata ganda, iaitu *berkata-kata, berseri-seri* dan *bertalu-talu*. Besar kemungkinan bahawa pengarang menganggap ini sebagai dua perkataan (*berkata + kata, berseri + seri* dan *bertalu + talu*), dan dengan demikian masih mematuhi syarat empat perkataan. Walau bagaimanapun, dari sudut tatabahasa, bentuk *berkata-kata, berseri-seri* dan *bertalu-talu* ini ialah satu perkataan, bukan dua.

Bagi R.385 pula, baris *Di dalam hati payahnya pergi* kelihatan terdiri daripada 5 patah perkataan. Tetapi jikalau dilihat dari sudut ejaan Jawi, kata sendi nama *di* dilambangkan dengan huruf dal (-) dan dieja bercantum dengan perkataan yang mengikutinya, iaitu *dalam*. Dengan demikian, kita boleh menerima hakikat bahawa bagi pengarang, yang menulis dalam tulisan Jawi, jumlah perkataan dalam baris ini ialah empat dan bukannya lima, iaitu [di], [dalam], [hati], [payahnya] dan [pergi]. Aspek jumlah lima perkataan ini berlaku apabila ditransliterasikan tulisan Jawi itu kepada tulisan Rumi.

Penelitian seterusnya memperlihatkan bahawa terdapat baris-baris yang terdiri daripada jumlah perkataan yang lebih kecil, iaitu dua dan tiga. Perhatikan contoh berikut:

R.155	Sah batal makruh sunatnya Bonda sekalian hendak tahunya <i>Tunggang-tunggit mengerjakannya</i> Entahkan sah entahkan tidaknya
R.541	Jangan takburkan usiamu muda Jadilah suami kita persenda <i>Apalagi mengada-ngada</i> Menurutkan kesukaan di dalam dada

Dalam dua contoh di atas terdapat baris yang, dari segi tatabahasa bahasa Melayu, mengandungi dua perkataan, iaitu *tunggang-tunggit* dan *mengerjakan* dalam R.155, dan *apalagi* dan *mengada-ngada* dalam R.541. Sekali lagi dapat dijelaskan hal ini dengan menerima hakikat bahawa pengarang menganggap kata ganda, disebabkan wujud unsur perulangan, sebagai terdiri daripada dua perkataan (*tunggang + tungit* dan *mengada + ngada*). Di samping itu, perkataan *mengerjakannya* dianggap terdiri daripada dua perkataan, iaitu *mengerjakan + nya*; demikian juga dengan *apalagi* (apa + lagi).

Jelas di sini bahawa konsep jumlah perkataan tidak dikira berdasarkan definisi tatabahasa tetapi sebenarnya dilihat dari sudut bunyi-bunyi yang dihasilkan. Apabila aspek ini diambil kira, maka persoalan jumlah perkataan kelihatan telah dipatuhi.

Demikian juga halnya dengan baris yang terdiri daripada tiga patah perkataan. Dalam R.67 terdapat baris yang terdiri daripada tiga perkataan, iaitu *Gerhana bulan matahari* dan dalam R.259 ayat *Berkuda putih semberani*. Dalam dua kes ini perkataan dieja sebagai satu unit atau kesatuan diberi pengertian dua perkataan. *Matahari*, misalnya, yang merupakan kata majmuk yang terdiri daripada gabungan dua kata dasar *mata* dan *hari* dianggap sebagai dua perkataan; dalam hal ini pengarang syair ini tidak boleh dipersalah kerana konvensi ejaan Rumi bahasa Melayu telah menetapkan perkataan tersebut dieja bercantum (matahari) dan tidak terpisah (mata hari). Dalam kes R.259, perkataan *semberani* memang berstatus satu perkataan tetapi nampaknya pengarang telah memilih untuk menyebutnya sebagai dua perkataan, iaitu *sem* + *berani*. Di sini syarat empat perkataan dalam satu baris tidak dipatuhi.

Apabila diteliti lagi, didapati bahawa banyak juga baris-baris yang terdiri daripada lima dan enam patah perkataan, seperti contoh-contoh di bawah:

- | | |
|-------|---|
| R.175 | Adinda nan petah sudah bertutur
Belum makan sirih sekapur
<i>Lagipun adinda hendak ke dapur</i>
Melihat dayang memasak upur |
| R.397 | <i>Keenam sentiasa susah dan gundah</i>
Hal keadaannya tiada faedah
<i>Taulanmu mendapat nikmat yang indah</i>
<i>Si Dengki susah tiada bersudah</i> |
| R.574 | Tamatlah Syair Sianah Siti
Dengan pertolongan Rabbu'l-'Izzati
<i>Di dalam Riau negeri yang pasti</i>
<i>Di Pulau Penyengat Indera Sakti</i> |

Dalam contoh-contoh di atas, dapat dilihat beberapa ciri bahasa yang menarik yang telah mengakibatkan jumlah perkataan melebihi empat patah. Ciri-ciri berkenaan ialah kehadiran bentuk-bentuk kata fungsional seperti *nan*, *dan*, *yang*, dan kata sendi nama seperti *ke* dan *di*. Kedua-dua bentuk ini berstatus perkataan dari sudut tatabahasa, dan membantu menimbulkan unsur kesinambungan dalam wacana berkenaan.

Kesimpulannya, dalam syair yang terdiri daripada 574 rangkap, pengarang telah mencuba sedaya upaya mematuhi syarat empat perkataan

setiap baris, namun beban ini didapati agak berat. Oleh itu, terdapat banyak juga baris yang melanggar syarat ini dengan penggunaan dua, tiga, dan lima patah perkataan.

Dari sudut pandangan Za'ba, jumlah 4-5 patah perkataan merupakan ciri kepenyairan yang dikehendaki. Namun beberapa kajian terhadap penghasilan syair pada zaman lampau memperlihatkan sifat melanggar syarat ini. Syair-syair Hamzah Fansuri, misalnya, pada amnya terdiri daripada 4 atau 5 patah perkataan, tetapi ada juga yang terdiri daripada 3, 6, dan 7 patah perkataan dalam sebaris (lihat Abdul Hadi W.M. 2001).

SYARAT JUMLAH SUKU KATA

Dari sudut jumlah suku kata, banyak juga baris patuh pada syarat jumlah antara 8-12 suku kata. Namun begitu, didapati bahawa syarat ini juga sukar dipatuhi setiap masa. Mari kita lihat kembali empat contoh pertama makalah ini, iaitu contoh R.5 hingga R.385. Kesemua baris mematuhi peraturan 8-12 suku kata kecuali baris 2 R.5, yang mengandungi 14 suku kata. Syarat ini memang diakui sukar untuk setiap kali dipatuhi, apakah lagi apabila syair dilakukan. Dalam hal ini, Za'ba (2002: 233) telah memberikan jalan penyelesaian, iaitu kata beliau, di tempat-tempat yang berlebihan bunyi daripada sepatutnya, hendaklah direbut-rebutkan suara menyebutnya, dan tentang yang terpaksa kurang daripada sepatutnya pula (misalnya jumlah suku kata sangat sedikit), dilanjut-lanjutkan suara sebutannya.

Daripada empat rangkap contoh tersebut, jumlah suku kata yang agak banyak ialah 11, manakala rangkap yang paling sempurna dari segi suku kata ialah R.32, dengan 11 suku kata setiap baris.

Yang berikut ialah empat contoh lagi dengan pelbagai jumlah suku kata dalam setiap baris:

R.82	Ia berkata dayang naik <i>lah</i> Tidak bertudung di bawah tinggall <i>ah</i> Bukannya hamba berbuat olah Kerana hukum daripada Allah	9 11 10 11
R.231	Mana-mana perempuan yang sundal-sundal Itulah dijadikan sahabat yang handal Dengan mereka berhambal-hambal Fiil begitu tidak <i>lah</i> cundal	13 13 10 10
R.336	Sebab itulah hendak berilmu Supaya tahu cacat cederamu Hendaklah selidik akan anggotamu Nescaya tidak kita tersemu	10 11 12 10

R.516	Yang baik itu terlebih utama Jangan dibiarkan anak cuma-cuma Laki-laki perempuan keduanya sama Jangan diberi memburukkan nama	11 12 14 11
-------	--	----------------------

Dari contoh-contoh di atas, kelihatan bahawa syarat 8-12 suku kata setiap baris tidak selalu dapat dipatuhi. Namun demikian, larinya tidak terlalu jauh. Dalam contoh-contoh di atas tadi, misalnya, hanya tiga baris yang lari, iaitu baris pertama dan kedua dalam R.231, dan baris ketiga dalam R.516.

Dari perspektif penggunaan imbuhan, memang unsur bahasa ini tidak diabaikan. Dalam empat contoh terakhir di atas, yang berikut ialah gambaran penggunaan imbuhan:

R.82	berkata; bertudung; berbuat
R.231	dijadikan; berhambal-hambal
R.336	berilmu; tersemu
R.516	terlebih; dibiarkan; diberi; memburukkan

Dalam semua kes, kehadiran imbuhan ini mematuhi peraturan tatabahasa bahasa Melayu sekali gus memberi kesan kepada jumlah suku kata dalam baris.

Di samping itu, partikel *-lah* juga amat digemari. Sebagai contoh, dalam empat contoh di atas, partikel *-lah* didapati dalam R.82 (2 kali), R.231 (2 kali) dan R.336 (2 kali).

PERSPEKTIF UNSUR RIMA

Rima ialah unsur persamaan bunyi pada akhir baris syair, yang merupakan a a a a, dengan erti kata semua suku kata akhir hendaklah sama bunyinya. Za'ba (2002: 233) menggunakan istilah "pertentangan bunyi" bagi unsur rima, yang didefinisikan sebagai "bunyi hujung yang sama antara tiap-tiap kerat, menurut beberapa kaedah". Di bawah dibincangkan beberapa kaedah tersebut.

Kaedah (i), hanya satu bunyi di hujung setiap kerat syair dikehendaki sama, yakni suku kata akhir dalam baris, seperti dalam contoh berikut, masing-masing dengan rima *tu* (R.3) dan *da* (R.140):

R.3	Waba'du kemudian daripada <i>itu</i> Inilah syair madah suatu Ceritanya betul kisahnya <i>tentu</i> Boleh diambil teladan di <i>situ</i>
R.140	Sekalian Siti mendengarkan sabda Tertawalah sekalian mana yang <i>ada</i> Benarlah kata nyawanya <i>bonda</i> Faham sedikit haram <i>tiada</i>

Rima seperti ini terdapat dengan banyaknya dalam *Syair Siti Sianah*, seperti dalam contoh R.143 (rima *ri*), R.280 (rima *bu*), R.345 (rima *dah*), R.434 (rima *rang*) dan R.503 (rima *nak*).

Kaedah (ii) mengatakan jika tidak terdapat persamaan bunyi akhir yang seratus peratus sama, boleh juga diterima rima yang hampir sama seperti *kar*, *sar*, *tar* dan *kar* dalam R.119 dan *sik*, *kik*, *cik* dan *cik* dalam R.251 di bawah:

R.119	Sianah tersenyum manis menyakar Ada lagi terlebih besar Di dalamnya banyak bicara berputar Perempuan yang bodoh tiada terbungkar
R.251	Makruh berimamkan orang yang fasik Penyabung penjudi cuki dan <i>ukik</i> Atau sekopong paku dan <i>kicik</i> Atau mengekalkan dosa yang <i>kecik</i>

Ciri bunyi hampir sama ini terdapat dengan agak banyak juga, misalnya dalam R.81 (*kat, kat, fat, ngat*), R.446 (*an, han, wan, wan*) dan R.137 (*an, ran, ngan, an*).

Za'ba (2002: 234-235) juga menekankan beberapa kesamaan bunyi yang dianggap tidak baik atau tidak membantu menimbulkan rima yang baik.

Satu kaedah ialah menggunakan akhiran *-kan*, bentuk *-nya* atau partikel *-lah* berulangan dalam setiap akhir baris, seperti kelihatan dalam contoh berikut:

R.57	Hukum jangan tuan sembunyikan Di akhirat kita kelak dimurkakan Seperti kuda kita dihinakan Dengan neraka mulut dikekangkan
R.75	Abangnya itu Sianah namanya Terlebih pula alim daripadanya Suaminya warak dengan keramatnya Tambahkan elok paras keduanya
R.215	Ba'da'l-Subuh sembahyang ditegahlah Hingga terbit matahari terserlah Naik matahari hingga segalah Di tengah langit matahari samalah

Mengikut Za'ba (2002: 234-235), penggunaan *-kan*, *-nya* dan *-lah* seperti dalam contoh di atas tidak mencerminkan taraf kreativiti yang tinggi dan seboleh mungkin dielakkan. Namun ini tidak menafikan penggunaan bentuk ini sekali sekala sebagai unsur rima dengan perkataan lain yang bunyi akhir kata sama dengan bunyi bentuk-bentuk ini. Sebagai contoh, R.212 di bawah memperlihatkan penggunaan *-lah* untuk berima dengan *qiblah*, *salah* dan *na'uzubillah*:

- R.212 Berubah niat membelakangkan *qiblah*
Makan dan minum semakin *salah*
Tertawa gelak-gelak tentu batal *llah*
Murtad di dalamnya na'uzubi'l^llah

Satu lagi kaedah yang kurang baik ialah secara terang-terang tidak mematuhi peraturan rima berdasarkan bunyi yang tidak sama. Perhatikan contoh-contoh berikut:

- R.15 Siti Dianah hatinya *panas*
Ia berkata sambil berkipes
Adinda jangan gopoh dan lekas
Bicarakan dahulu haid dan nifas
- R.21 Qaid yang m.n.f.k.air perigi
Air hujan langit yang tinggi
Air laut demikian lagi
Kiaskan pula sekali yang baik
- R.108 Haid itu dengarkan *tuan*
Darah mengalir dari rahim perempuan
Pada waktu yang ketentuan
Umur yang sampai dihadkan Tuhan

PERSPEKTIF DIKSI

Diksi membawa maksud bagaimana pengarang membuat pemilihan kata yang tepat dan berkesan untuk mengungkapkan idea. Selain itu, Za'ba (2002: 73) mentakrifkan gaya bahasa sebagai rupa susuk bahasa yang dipakai apabila bercakap atau mengarang, baik tentang perkataan, ikatan ayat, jalan bahasa, cara susunan mahupun bentuk pembahasaannya. Dalam bahagian ini, pemilihan perkataan yakni penggunaan diksi, turut dibincangkan.

Dapat diperhatikan terdahulu bahawa penggunaan perkataan *Bismi'Llah* (dengan nama Allah) dengan formatnya berbeza sedikit, terdapat pada semua permulaan syair-syair Raja Ali Haji. Namun hanya dalam *Syair Siti Sianah* sahaja kesemua perkataan dalam rangkap pertamanya seakan-akan dibangunkan dengan perkataan bahasa Arab. Begitu juga dengan R.2 syair ini, dengan kesemua perkataannya terdiri daripada perkataan bahasa tersebut, seperti yang terdapat dalam contoh berikut:

- R.1 Bismi'Llah itu permulaan kalam
Al-hamdu li'Llah Khaliqi'l-'Alam
Selawatkan nabi Sayidi/l-Anam
Wa'alal alih wa sahibihi wa sallam
- R.2 Al-hamdu li/Llah wa salla/Llah
ala Sayidina Muhamadin Rasulu'Llah
wa 'ala alih ma'a'l-Sahabah
wa'L-Tabiin ila yawmi 'l-Qiamah

Di samping itu, juga dapat diperhatikan bahawa terdapat lima rangkap daripada syair ini kesemua perkataan dalam salah satu barisnya terdiri daripada perkataan bahasa Arab, iaitu R.100, R.107, R.203, R.365 dan R.405, berikut:

- R.100 Tersebut di dalam kitab Ghazali
Menghinakan jamuan sangat pemali
Akram al-dayf khuluqu'l-'ali
Janganlah syak sekali-kali
- R.107 Sianah mengambil syarah dan hasyiah
Dibaca sedikit lalu besurah
Qala al-Syaikh sahibul-hasyiah
Haid dan nifas serta istihadah
- R.203 Takbir ketika turunnya rukuk
Baiknya diperbuat jangan berolok
Mengata sami' Allah sangatlah elok
Rabbana laka'l-hamdu khalaqu'l-Makhluaq
- R.365 Mulia itu takutkan Allah
Serta malu akan rasulullah
Inna Akramakum 'inda'l-lah
Ittaqakum kepada Allah
- R.405 *Na'uzubillahi min zalika*
Daripada mendapat ini petaka
Itulah tanda isi neraka
Allah Taala sangatlah murka

Seterusnya turut ditinjau penggunaan istilah fikah, kosa kata Arab dan gelaran yang ditampilkan dalam *Syair Siti Sianah*, sebagaimana yang dilakukan oleh Abu Hassan Sham (1995:225-228) terhadap *Syair Suluh Pegawai* juga oleh Raja Ali Haji.

Istilah fikah atau hukum Islam banyak digunakan dalam syair ini, baik yang sudah ada padanannya dalam bahasa Melayu mahupun yang belum ada padanannya, dalam masyarakat Riau pada masa itu. Sebagai contoh, ketika pengarang mengungkapkan bahagian *Kenyataan Bersuci*, perkataan-perkataan seperti *syariat*, *tarekat*, *makrifat* dan *hakikat* digunakan. Ketika menyatakan Haid, perkataan-perkataan seperti *haid*, *nifas*, *istihadah*, *mumayyizah* (*mumaiyiz*), *Mutahayyirah* dan *mutbaddat* digunakan. Ketika menyatakan sembahyang pula, turut digunakan perkataan-perkataan seperti *waktu zuhur*, *asar*, *maghrib*, *isyak* dan *subuh*, dan *syurut*, *kiblat*, *qira'at*, *salawat*, *sunat*, *Ramadan*, *ghurub*, *Nazari*, *masbuq* (*masbuk*) dan banyak lagi. Demikian juga dengan istilah-istilah tertentu digunakan dalam menyatakan beberapa perkara antara lain *puasa*, *tasawwuf* (*tasawuf*) dan adab-adab berkenaan.

Syair ini panjang dan dibahagikan ke dalam beberapa bab dan banyak subbahagian. Judul-judul bab dan subbahagian ini diberikan baik dalam bahasa Melayu mahupun bahasa Arab yang diikuti dengan penjelasan dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh, *Pada Menyatakan Fardu Mengambil Air Sembahyang, Babu'l-Salat pada Menyatakan Sembahyang, al'Ain iaitu Mata, Makna Su'ul-Zann iaitu Jahat Sangka, Adab'l walidaini, Adab Dua Orang Ibu Bapa*, dan banyak lagi. Selain itu, dengan menerusi watak syair, dalam mengungkapkan bahagian tasawuf, telah diperjelas tentang makna perkataan-perkataan *takbul, riak, 'ujub, hasad, syamatatah, ghadab, tamak, bakhil, israf* dan lain-lain. Dari sini dapat dilihat bahawa pengarang syair ini membawa harapan bahawa khalayaknya, dengan bantuannya, berkemampuan untuk mengerti atau menguasai istilah hukum Islam yang ditampilkan dalam bahasa Arab ini.

Selanjutnya ditinjau rangkai kata bahasa Arab dalam syair ini, terutama nama dan sifat Tuhan. Rangkai kata *Rabbu'l-'Izzati* (Rabbulizzati) yang bererti Tuhan segala kemuliaan (Allah) (Dewan Bahasa dan Pustaka 2013: 1262) ini sebanyak 4 kali digunakan untuk menggambarkan Tuhan, seperti yang berikut:

- | | |
|-------|--|
| R.4 | Hukuman Tuhan <i>Rabbu'l-'Izzati</i> |
| R.398 | Sebab kemurkaan <i>Rabbu'l-'Izzati</i> |
| R.427 | Menjunjung perintah <i>Rabbu'l-'Izzati</i> |
| R.574 | Dengan pertolongan <i>Rabbu'l-'Izzati</i> |

Selain itu, juga dikemukakan nama-nama Tuhan yang lain, misalnya, *Allahu Akbar* (Allahuakbar), *Khaliqu'l-Bari* (*al-Khaliq, al-Barik*) dan *Rabbu'l-Alamin* (Rabbulalamin), dalam rangkap berikut:

- | | |
|--|---|
| R.190 | Ketiga rukun takbiratu'l-ihram
Iaitu <i>Allahu Akbar</i> hendaklah faham
Hadirkan niat hati di dalam
Sertakan pada alif Asmi'l-A'zam |
| R.288 | Hari nan sudah dinihari
Hayam berkokok kanan dan kiri
Baiklah sembahyang kita berdiri
Menyembah Tuhan <i>Khaliqu'l-Bari</i> |
| Kolofon Wa salla'Llah ala-sayyidina Muhamadin, wa'alal alihu
wa sahibhi wa sallim
Wa'l-hamdulli'Llahhi <i>Rabbu'l-Alamin</i> | |

Dalam hal ini, *Allahuakbar* bererti Allah Yang Maha Besar, *al-Khaliq* bererti Yang Maha Pencipta Sekalian Makhluk, *al-Barik* pula bererti Yang Maha Pencipta Makhluk, dan *Rabbulalamin* bererti Tuhan empunya seluruh alam.

Contoh perkataan dan rangkai kata bahasa Arab yang lain yang dapat dijumpai dalam syair ini ialah *Sayyidu'l-Makhluk* (R.19), *Masjid'l-Haram* (R.69), *tawaf sai'* (R.70), *khuluqu'l-'ali* (R.100), *qablu'l-fajar* dan *qablu'l-zuhur* (R.168), *ba'du'l-Zuhuri* (R.169), *Ba'da'l-Isya'* (R.171), *takbiratu'l-ihram* dan *Asmi'l-A'zam* (R.190), *Takbiratu'l-ihram* (R.201), *laka'l-hamdu* dan *khalaqu'l-Makhluk* (R.203), *ba'da'l-Asar* (R.216), *Durratu'l-'ulum* (R.221), *babu'l-wudu'* (R.260), *Su'ul-zann* (R.353, R.409), *minnata'l-Llah* (R.442), *janntu'l-naim* (R.445), *nafsu'l-ammarah* (R.481), *bintu'l-Haram* (R.548), *ala-sayyidina* dan *Wa'l-hamdulli'Llahhi* (Kolofon), dan lain-lain lagi.

Kata ganti nama diri orang, baik pertama, kedua mahupun ketiga, yang dipakai dalam *Syair Siti Sianah* termasuklah *aku* (4 kali), *beta* (16 kali), *patik* (11 kali), *kami* (1 kali), *kita* (46 kali), *engkau* (4 kali), *kamu* (5 kali), *ia* (65 kali), *dia* (22 kali), *ianya* (7 kali), *dianya* (2 kali), *baginda* (1 kali), *mereka* (9 kali), *tuan* (57 kali), *puan* (2 kali) dan lain-lain. Dapat diperhatikan bahawa kata-kata seperti *saya, awak* dan *beliau* langsung tidak dipakai dalam syair ini. Dengan bergabung dengan kata-kata lain, kata *anda* hadir dengan kata-kata seperti *anakanda* (21 kali) dan *kakanda* (30 kali) manakala kata-kata seperti *adinda* (38 kali) dan *bonda* (43 kali) pula juga sering dijumpai. Di samping itu, kata ganti nama orang ketiga -nya yang boleh juga berfungsi sebagai penekan dan pembenda (Nik Safiah Karim et al. 2008: 104, 295-296) itu telah dipakai beratus-ratus kali dalam syair ini. Dapat ditimbulkan di sini juga bahawa kata-kata seperti *ianya* dan *dianya* dengan jelasnya telah melanggar prinsip tatabahasa bahasa Melayu jika berdasarkan pandangan linguistik bahasa Melayu moden kini.

Dengan bergabung dengan kata seru, baik oleh kata nama khas mahupun kata nama am, kelihan jenis kata ganti nama diri orang yang lain dalam syair ini, misalnya, *ayuhai saudara* (contohnya R.9), *ayuhai bonda* (R.23), *ayuhai kaka* (R.26), *ayuhai Ewuk* (R.42), *ayuhai tuan* (R.45), *wahai saudara* (R.46), *wahai Dianah* (R.54), *ayuhai anakanda* (R.118), *ayuhai sahabat* (R.124), *wahai kakanda* (R.132), *hai si Buta* (R.138), *ayuhai kakanda* (R.149), *ayuhai Sianah* (R.154), *wahai ashabi* (R.196), *ayuhai anakku* (R.267), *ayuhai adinda* (R.274), *ayuhai segala sanak saudara* (R.292), *ayuhai emak* (R.319), *ayuhai kamu* (R.359), *ayuhai taulan* (R.406), *wahai saudara wahai ikhwani* (R.421), *ayuhai adik ataupun kaka* (R.456), *ayuhai Mak Muda atau Mak Ngah* (R.458), *ayuhai segala kakanda adinda* (R.483),

ayuhai perempuan (R.538), dan *ayuhai anakku yang muda-muda* (R.568).

Didapati juga bahawa kata ganti nama yang dimulakan dengan gelaran *Si* lazimnya diperuntukkan kepada watak yang kurang baik. Secara rawak diperturunkan contoh-contoh di bawah:

- | | |
|-------|--|
| R.223 | Ia bertanya Siti Sianah
Suami kita boleh diseranah
Banyaklah harta dihabiskan punah
Diberikan gundiknya nama <i>Si Munah</i> |
| R.390 | Jika taulannya mendapat puji
Hati <i>Si Dengki</i> bertambah benci
Ke sana ke sini ianya mengeji
Kejahanat taulannya sebij-i-sebiji |
| R.403 | Musuhnya itu diamkan Allah
Kerana benarnya tiada disalah
<i>Si Syamit</i> menanggung penat dan lelah
Ke sana ke mari mencari helah |

Dalam kes R.223, Encik Wan yang mengambil hati akan harta benda suaminya itu menamakan gundik suaminya sebagai *Si Munah*. Dalam kes R.390 pula, orang yang bercemburu terhadap sahabat atau kawannya yang dipuji oleh orang lain dinamakan sebagai *Si Dengki*. Begitu juga dengan kes R.403, orang yang mencari helah itu dinamakan sebagai *Si Syamit*.

Selain itu, juga terdapat kata ganti nama lain yang dimulai gelaran *Si*, misalnya, *Si Patam* (R.41), *Si Buta* (R.138), *Si Polan* (R.363), *Si Jahil* (R.386), *Si Fakir* (R.424), *Si Kaya* (R.458, R.466), *Si Upik* (R.479), *Si Kilah* (R.552), *Si Kulit Lokan* (R.552) dan *Si Polanah* (R.556), yang amnya diperuntukkan kepada watak yang kurang baik.

Dalam syair ini, gelaran *Encik* bukan sahaja diberikan kepada lelaki, tetapi juga kepada perempuan; ia dapat dibuktikan daripada contoh rangkap-rangkap berikut:

- | | |
|------|--|
| R12 | Bertanya pula <i>Encik Jamilah</i>
Iaitu isteri Fakih Abdullah
Bersuci itu dua sahajalah
Tidakkah lebih kepada jumlah |
| R38 | Itu seperti <i>Encik Wan Upik</i>
Suaminya alim lagipun siddiq
Mengapa tah ia duduk merepek
Perangai seperti biminya apek |
| R222 | Encik Wan Upik ada situ
Dengan adiknya <i>Encik Wan Putu</i>
Iaitu isteri Encik Wan Sabtu
Dengan Tun Teja jadi menantu |

Dalam R.12, secara ringkas, *Encik Jamilah* ialah isteri Fakih Abdullah. Dalam R.38 pula, *Encik Wan Upik* ialah isteri kepada seorang lelaki yang alim dan siddiq. Begitu juga dengan R.222, *Encik Wan Putu* ialah isteri Encik Wan Sabtu. Setakat hari ini, gelaran *Encik* dan *Tuan* tetap boleh diperuntukkan kepada wanita, cuma jarang ditemui.

PENUTUP

Syair Siti Sianah ditulis, pertama-tamanya, untuk menyampaikan beberapa aspek ajaran Islam. Maksudnya, pengarang memberi tekanan kepada kandungannya. Namun begitu, pengarang juga telah berusaha untuk mematuhi segala peraturan bentuk syair bagi menghasilkan sebuah karya puisi yang baik, yang mempunyai nilai-nilai keindahan. Kertas ini telah membincangkan aspek kepengarangan Raja Ali Haji yang kelihatan hampir selari dengan sifat-sifat syair yang ditekankan oleh Za'ba. Dari sini dapat dilihat bahawa wujud persamaan antara pujangga Riau ini dengan tokoh bahasa dari Malaysia.

RUJUKAN

- Abu Hassan Sham. 1993. *Puisi-puisi Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Abu Hassan Sham. 1995. *Syair-syair Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
 Abu Hassan Sham. 2005. Sebuah syair berunsur agama: Syair Siti Sianah. Dlm. *Pandangan Semesta Melayu: Syair*, disunting oleh Rogayah A. Hamid & Wahyunah Abd. Gani. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Abdul Hadi W.M. 2001. *Tasawuf Yang Tertindas: Kajian Hermeneutik terhadap Karya-Karya Hamzah Fansuri*. Jakarta: Penerbit Paramadina.
 Amida Abdulhamid. 2008. Syair Siti Sianah sebagai wahana keindahan. Dlm. *Rangkaian Falsafah dalam Analisis Sastera*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
 Dewan Bahasa dan Pustaka. 2013. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
 Hasan Junus. 1988. *Raja Ali Haji: Budayawan di Gerbang Abad XX*. Pekanbaru: Universitas Islam Riau Press.
 Hashim bin Musa (Pengkaji). 2005. Hassan Ahmad, sunt. *Bustan al-Katibin*, Karangan Raja Ali Haji. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
 Mohd. Taib Osman. 1976. Raja Ali Haji of Riau: A Figure of Transition or the Last of the Classical Pujanggas?, Dlm. *Bahasa Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu: Essei-essei Penghormatan kepada Pendita Za'ba*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.
 Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Ahmad (ZA'BA). 2002. *Ilmu Mengarang Melayu*. Edisi Ejaan Rumi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Wong Aw Lam Chee
Pelajar Ijazah Sarjana Sastera
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
MALAYSIA.
E-mail: wongawlamchee@gmail.com*

*Nik Safiah Karim, Ph.D.
Karyawan Tamu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
MALAYSIA.
E-mail: niksaifah@yahoo.com*

